

## **BAB EMPAT**

### **PADANAN ISTILAH MELAYU-ARAB**

#### **4.0. Pendahuluan**

Terdahulu kita telah melihat beberapa istilah kekeluargaan dan kemasyarakatan dalam bahasa Arab yang tidak mempunyai padanan makna yang sesuai atau hampir sesuai dengan bahasa Melayu. Seterusnya kita akan menelusuri pula beberapa istilah Melayu yang tidak diberikan padanan makna yang sepadan atau sepatutnya atau tiada padanan yang sesuai langsung dalam bahasa Arab. Untuk permulaan, penulis akan menyentuh tentang istilah-istilah kekeluargaan.

#### **4.1 Istilah Bidang Kekeluargaan**

Bahasa Melayu terkenal dengan kesopanan dan kesantunan dalam berbicara. Ia melambangkan budaya Melayu itu sendiri yang mementingkan adab dan tertib sama ada dalam tingkah laku ataupun perbuatan. Justeru dalam hubungan kekeluargaan penggunaan istilah-istilah dalam tutur kata harus bersesuaian dengan responden. Di sini penulis ingin membawakan

beberapa penggunaan istilah dalam sistem kekeluargaan Melayu yang dilihat agak unik dan terperinci berbanding dengan bahasa Arab.

#### **4.1.1 Sistem Panggilan Bahasa Melayu**

Kebanyakan daripada istilah kekeluargaan dalam bahasa Melayu yang menimbulkan masalah untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Arab ialah istilah-istilah dalam sistem panggilan. Terdapat tiga subbahagian kepada sistem panggilan. Jadual 4.1 di sebelah dapat memberi gambaran yang lebih jelas berkenaan sistem tersebut.

Jadual 4.1: Sistem Panggilan Bahasa Melayu

<b>Sistem Panggilan Bahasa Melayu</b>		
<b>Ganti Nama</b> <b>Diri</b>	<b>Kata</b> <b>Panggilan</b>	<b>Kata Panggilan</b> <b>Keluarga</b>
+ manusia	+ manusia	+ manusia
+ bukan manusia	+ bukan manusia	- bukan manusia
- gender	+ gender	+ gender
- rujukan	+ rujukan	+ rujukan
- kedudukan keluarga	- kedudukan keluarga	+ kedudukan keluarga
+ status	+ status	- status

\*Perbezaan boleh dilihat melalui simbol +/-.

**Sistem panggilan-** sistem yang memuatkan ganti nama, kata panggilan umum atau keluarga.

**Ganti nama-** kata yang menggantikan nama khas yang digunakan kepada manusia dan bukan manusia. Ganti nama ini terbahagi kepada tiga, iaitu ganti nama diri pertama, kedua dan ketiga. Contoh: *saya, awak, dia* dan lain-lain.

**Kata panggilan-** kata yang menggantikan nama yang digunakan kepada manusia dengan penentuan gender, rujukan dan status. Contoh: *encik, puan, makcik* dan lain-lain.

**Kata panggilan keluarga-** kata yang menggantikan nama yang digunakan kepada manusia dengan penentuan gender, rujukan dan kedudukan dalam keluarga. Contoh: *long, ngah, usu, de dad* dan lain-lain.

#### 4.1.1.1 Ganti Nama

Dalam mana-mana bahasa terdapat pelbagai ganti nama yang digunakan sama ada dalam penulisan atau percakapan. Dalam konteks bahasa Melayu, terdapat beberapa kata ganti nama yang boleh menimbulkan kekeliruan apabila diterjemahkan ke dalam bahasa Arab jika tidak diperhatikan dengan teliti konteks penggunaan kata ganti nama tersebut. Berikut penulis hanyaikan beberapa kata ganti nama tersebut:

### **a. Ganti Nama *Kami* dan *Kita***

Kedua-dua istilah ini memberi makna yang berbeza dalam bahasa Melayu walaupun ia mempunyai persamaan dari sudut kata ganti nama. Istilah *kami* merujuk ‘*saya sekalian (saya dan rakan-rakan saya semua)* (Kamus Dewan 2005:568). Ia digunakan sebagai kata ganti nama jamak pertama berbentuk eksklusif. Sementara istilah *kita* pula merujuk kepada *saya dan kamu semua* iaitu ganti nama bagi diri orang yang bercakap serta sekalian yang hadir (mendengarnya) (Kamus Dewan:686). Namun cuba kita lihat contoh yang berikut:

A: Berapa harga ni bang?

B: 22, nak letak mahal takut orang tak nak beli. Bukan senang nak mendapatnya. *Kita* bagi 20 lah. Barang *kita* pun dah naik sekarang, itupun *kita* tak ambil untung banyak.

Daripada contoh di atas didapati bahawa satu ganti nama dalam sesuatu ujaran boleh membawa fungsi yang berbeza. Ini yang dinamakan ganti nama dwirujuk (Nor Hashimah Jalaluddin dll 2005:27). Istilah *kita* dalam contoh di atas mempunyai dwifungsi iaitu sebagai ganti nama pertama jamak dan ganti nama pertama tunggal. *Kita* yang pertama dan ketiga merujuk kepada *penjual* (tunggal) kerana *penjual* yang menentukan harga dan keuntungan yang diperolehi, manakala *kita* yang kedua merujuk kepada *barang dalam negara* yang merupakan milik rakyat (jamak).

Istilah *kita* juga digunakan oleh golongan raja dan bangsawan atau orang-orang besar sebagai ganti nama *saya* atau *aku* seperti contoh:

“*Kita* sungguh terharu dengan sambutan yang diberikan oleh rakyat *kita*.

Beginu juga dengan kanak-kanak yang menggunakan ganti nama *kita* sebagai menunjukkan rasa kekitaan seperti contoh:

“*Kita* selalu main masak-masak dengan kakak *kita*.

Di sini istilah *kita* telah berfungsi sebagai ganti nama diri pertama tunggal. Namun dalam bahasa Arab, hanya satu istilah yang digunakan untuk makna *kami* dan *kita* iaitu نَحْنُ. Justeru itu mungkin kita akan menghadapi masalah dalam menterjemahkan teks bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu sekiranya yang terdapat padanya istilah نَحْنُ dan ganti nama jamak bersambung ّا samada ia membawa maksud *kami* atau *kita* sekiranya kita tidak mendalamai konteks ujaran tersebut. Cuba kita perhatikan ayat di bawah:

نَحْنُ أَبْطَالُ الْأُمَّةِ وَهَذَا وَطَنُّنَا

Adakah kita menterjemahkannya sebagai:

*Kami* wira-wira bangsa dan ini adalah tanahair *kami*.

atau:

*Kita* wira-wira bangsa dan ini adalah tanahair *kita*.

Di sini kita mungkin memerlukan peranan konteks ayat bagi melakukan penginterpretasian makna sehingga dapat menyelesaikan masalah kekaburan yang timbul. Kita harus melihat situasi di mana sesuatu ayat itu digunakan secara menyeluruh barulah kita dapat menentukan makna yang dikehendaki oleh seseorang penutur.

### b. Ganti Nama *Dia* dan *Ia*

Dalam bahasa Melayu, kata ganti nama *dia* merujuk kepada orang ketiga. Contohnya seperti:

*Dia* bekerja di hospital.

Leksikal *dia* membawa maksud khusus bagi *orang yang bekerja di hospital*.

Manakala kata ganti nama *ia* pula merujuk kepada pihak ketiga selain orang.

Sila lihat contoh di bawah:

a) *Ia* terjun dari tingkap untuk menangkap tikus itu.

b) *Ia* diimport dari luar negara.

Pada contoh (a) ganti nama *ia* merujuk kepada binatang sama ada kucing, ular dan sebagainya berdasarkan kata kerja *menangkap* dan konstituen objek *tikus*. Pada contoh (b) pula ganti nama *ia* merujuk kepada benda/barang/haiwan/tumbuhan atau apa juga selain manusia dengan merujuk kepada kata kerja *diimport*.

Dalam bahasa Arab pula hanya satu ganti nama yang digunakan bagi merujuk sama ada manusia atau selain manusia. Cuba lihat contoh di bawah:

(a) هُوَ يُحِبُّ رَوْحَتَهُ بِصَمِيمِ الْقَلْبِ

*Dia mencintai isterinya sepenuh hati.*

(b) هُوَ يَبْحَثُ عَنِ الطَّعَامِ بِالطَّيْرِ فِي اللَّيلِ

*Ia mencari makanan dengan terbang pada waktu malam*

Dalam contoh (a) ganti nama هُوَ merujuk kepada *orang* manakala هُوَ pada contoh (b) merujuk kepada *haiwan*. Di sini kita dapat melihat padanan makna yang agak tidak kompleks di antara gantinama هُوَ dengan *dia* dan *ia*.

### c. Ganti Nama Diri Orang Biasa

Terdapat pelbagai bentuk kata ganti nama diri yang digunakan oleh orang biasa. Kajian ini hanya menumpukan kepada kata ganti nama diri kedua yang boleh dibahagikan kepada tiga subgolongan, iaitu:

- i) Bentuk halus atau hormat
- ii) Bentuk kasar atau intim
- iii) Bentuk neutral

### i) Bentuk Halus atau Hormat

Kata ganti nama diri kedua bentuk halus atau hormat ialah seperti:

*Tuan* : (السَّيِّدُ) - merujuk kepada orang lelaki yang lebih tinggi taraf, umur atau statusnya.

*Puan* : (السَّيِّدَةُ) - merujuk kepada orang perempuan yang sudah berkahwin atau yang dimuliakan, seperti *tuan*.

*Encik* : (السَّيِّدُ) - merujuk kepada lelaki yang sama umur, taraf dan status, atau lebih muda dan dimuliakan; dan

*Cik* : (الْأَنْسَهُ) - merujuk kepada perempuan yang belum berkahwin atau lebih muda dan dimuliakan sama seperti *encik*.

Di sini dapat dilihat sedikit perbezaan di mana bahasa Melayu memiliki dua

istilah ganti nama diri kedua bentuk halus bagi orang lelaki iaitu *tuan* dan

*encik* sedangkan bahasa Arab hanya menggunakan satu istilah sahaja iaitu

السَّيِّدُ manakala bagi perempuan pula terdapat istilah khusus yang

membezakan status sama ada berkahwin atau tidak berkahwin iaitu السَّيِّدَةُ

dan

. الْأَنْسَهُ .

### **ii) Bentuk Kasar atau Intim**

Kata ganti nama diri yang berbentuk kasar atau intim digunakan di kalangan sahabat handai yang rapat, sebaya atau setaraf atau digunakan oleh orang yang lebih tua kepada orang yang lebih muda. Selain itu “bentuk kasar dianggap sebagai bentuk yang digunakan oleh orang-orang yang rendah kedudukannya atau yang kurang menerima ajaran tatatertib dan sebagainya” (Nik Safiah Karim:1981:103). Di antara kata ganti nama yang berbentuk kasar dan intim ialah *aku*, *kamu/mu*, *engkau/kau* dan *awak*. *Aku* adalah kata ganti nama diri pertama yang padanan secara langsung baginya dalam bahasa Arab ialah أَنَا. Justeru أَنَا membawa padanan makna yang serupa bagi *saya* dan *aku*. *Kamu/mu*, *engkau/kau* dan *awak* diberi padanan makna أُنْتَ secara langsung dalam bahasa Arab. “Awak kadangkala digunakan dalam bentuk neutral juga” (Sumalee Nimmanupap. 1994:44).

### **iii) Bentuk Neutral**

Kata ganti diri yang berbentuk neutral digunakan dalam suasana dan keadaan formal. Bentuk itu ialah seperti *anda*, *saudara* dan *saudari*. *Anda* seperti juga *awak*, *kamu* dan *engkau*- hanya mempunyai satu istilah yang sepadan dalam bahasa arab iaitu أُنْتَ. Ia boleh digunakan terhadap sama ada orang yang lebih tinggi atau rendah kedudukannya.

*Saudara* digunakan kepada orang lelaki (الأخ) manakala *saudari* digunakan kepada orang perempuan (الاخت).

#### d. Ganti Nama Di Kalangan Kerabat Diraja

Masyarakat Melayu memang terkenal dengan kesopanan dan kesantunan berbahasa. Ketika berinteraksi, mereka tidak boleh menggunakan kata-kata panggilan dan sapaan dengan sewenang-wenangnya tanpa memikirkan dengan siapa mereka berkomunikasi khususnya jika orang kedua itu lebih tinggi kedudukannya dalam hirarki masyarakat seperti golongan diraja. Ganti nama *patik* digunakan oleh golongan rakyat bagi membahasakan diri mereka ketika menghadap raja. Dalam bahasa Arab tiada istilah yang membawa makna khusus kepada perkataan *patik* kecuali ia perlu diperjelaskan sebagai

ضَيْمِرُ الْمُتَكَلِّمِ عِنْدَ مُخَاطِبَةِ نَحْوِ مَلِكٍ (*gantinama diri pertama ketika bercakap dengan raja*). Begitu juga perkataan *beta* digunakan oleh raja untuk membahasakan dirinya sendiri apabila bercakap dengan orang biasa. Kedua-dua istilah *patik* dan *beta* ini tidak wujud dalam sistem kebahasaan Arab di mana kedua-duanya diistilahkan sebagai أَنَا (*saya*) sahaja. Jika orang biasa menjadi orang kedua pula tiada masalah terhadap padanan makna di antara bahasa Melayu dengan bahasa Arab kerana raja bebas menggunakan apa sahaja ganti nama diri kedua (*kamu, engkau, awak, anda, saudara, saudari*) atau nama sebutan, pangkat atau gelaran orang biasa itu dan boleh

diterjemahkan ke bahasa Arab mengikut kesesuaian istilah **أُنْثٌ**, **حَضَرْتَكَ**, **سَيِّدِي**.

Menurut Amat Juhari (1985:137) “dalam komunikasi di kalangan kerabat diraja nampaknya sapaan atau panggilan lebih banyak menggunakan panggilan pangkat dalam hubungan kekeluargaan. Tegasnya di sini perkataan seperti *kekanda*, *adinda*, *ayahanda*, *bonda*, *anakanda* dan sebagainya sering digunakan”. Kata ganti nama khusus golongan diraja ini yang juga digunakan dalam bahasa persuratan orang Melayu tidak mempunyai padanan makna yang memiliki konsep yang tepat baginya dalam bahasa Arab. Ia hanya dapat diterjemahkan kepada kata ganti nama orang kebanyakan iaitu **الْبِنْتُ** dan **الْإِنْثُ**, **الْأُمُّ**, **الْأَبُ**, **الْأَخُ الصَّغِيرُ**, **الْأَخُ الْكَبِيرُ** ( ).

#### **4.1.1.2 Bentuk Sebutan Dan Bentuk Panggilan**

Dalam perbincangan sebelum ini penulis telah menggunakan istilah nama sebutan dan nama panggilan yang disebut juga dengan bentuk sebutan dan bentuk panggilan. Apakah yang dimaksudkan dengan kedua-dua bentuk itu? Adakah kedua-duanya sama ataupun ada perbezaan? Adakah fenomena ini juga terdapat dalam bahasa Arab?

Bentuk sebutan adalah ungkapan untuk merujuk secara langsung kepada seseorang atau sesuatu pihak itu, khusus untuk fungsi menyebut

sahaja, terutamanya pada kali pertama, dan sekali-sekala selepas itu sebagai satu usaha untuk menarik perhatian pihak yang berkenaan itu bahawa hal yang diperkatakan itu bersangkut paut serta melibatkannya.

Bentuk panggilan pula adalah ungkapan untuk merujuk secara langsung sesuatu pihak itu setiap kali pihak itu dirujuk secara langsung. Dengan kata lain, bentuk sebutan adalah ungkapan yang digunakan untuk mendapat perhatian, manakala bentuk panggilan adalah ungkapan yang digunakan setelah perhatian diperolehi (Teo Kok Seong 1998:40). Cuba perhatikan contoh di bawah:

*Ayah, boleh ayah belikan abang buku latihan Matematik esok?*

Perkataan *ayah* yang pertama di awal ungkapan itu berupa bentuk sebutan, manakala perkataan *ayah* yang kedua itu adalah bentuk panggilan.

Perhatikan pula ayat di bawah:

يَا سَيِّدِي، أَنْتَ الْأَنَّ فِي كُوَالَا لَمْبُورْ

(*Tuan, anda sekarang berada di Kuala Lumpur*)

Bentuk sebutannya ialah perkataan سَيِّدِي. Pihak yang disebut sebagai itu kemudiannya dirujuk secara langsung dengan perkataan أَنْتَ yang merupakan bentuk panggilan.

Cuba kita lihat dan bezakan penggunaan bentuk-bentuk panggilan dalam bahasa Melayu dengan bahasa Arab di mana dalam bahasa Melayu biasanya bentuk sebutan tetap digunakan untuk bentuk-bentuk

panggilan seterusnya. Ini berlaku bagi menunjukkan rasa hormat orang yang memanggil terhadap orang yang dipanggil. Namun dalam bahasa Arab, kebiasaanannya bentuk-bentuk panggilan hanya menggunakan kata ganti nama diri kedua (ضَمِيرُ الْمُثَكَّلِ). Namun penggunaan bentuk panggilan jamak juga digunakan dalam bahasa Arab terhadap mereka yang lebih tinggi kedudukannya sebagai menunjukkan rasa hormat. Seorang pelajar universiti bercakap dengan pensyarahnya:

هَلْ أَنْتُمْ مَوْجُودُونَ فِي الْمَكْتَبِ هَذَا الصَّبَاحُ؟

*Adakah anda(doktor/tuan/encik;mengikut kesesuaian panggilan)berada di pejabat pagi ini?*

Bentuk panggilan kata ganti nama jamak أَنْتُمْ digunakan bagi menunjukkan panggilan yang lebih beradab. Jadi, dapat dilihat di sini terdapat sedikit perbezaan dalam penggunaan kata panggilan di antara bahasa Melayu dengan bahasa Arab.

#### **4.1.1.3 Kata Panggilan Keluarga**

Setelah diperjelaskan mengenai kata panggilan, penulis ingin mengupas pula berkaitan nama panggilan kekeluargaan di mana bahasa Melayu mempunyai sistem panggilan kekeluargaan yang agak unik berbanding bahasa Arab dan bahasa-bahasa lain. Ada banyak nama panggilan kekeluargaan yang digunakan dalam bahasa Melayu bahkan kajian yang

dijalankan oleh Nor Hashimah Jalaluddin dan rakan-rakannya (2005) telah mendokumentasikan sistem panggilan dalam keluarga Melayu mengikut dialek-dialek negeri. “Nama panggilan kekeluargaan seperti *pak*, *mak*, *akak* dan *adik* digunakan bukan sahaja dalam hubungan kekeluargaan secara pertalian darah atau melalui perkahwinan, tetapi juga di luar hubungan kekeluargaan, terutamanya dalam hubungan yang tidak formal dengan rakan-rakan, keluarga rakan, orang sekampung dan sebagainya” (Asmah Haji Omar 1986:36). Penggunaan nama panggilan kekeluargaan melambangkan keharmonian, keeratan dan kesopanan.

“Nama panggilan keluarga pada asasnya terdiri daripada: *abang/bang*, *kakak/kak*, *adik*, *anak*, *bapa/pak/ayah*, *ibu/emak/mak*, *cucu*, *cicit*, *datuk/tok*, *neneh/wan* dan *moyang*. Semua nama panggilan asas kekeluargaan ini boleh diikuti dengan nama orang yang berkenaan seperti *Bang Mad*, *Pak Ali*, *Mak Yah* dan sebagainya.” (Sumalee Nimmanupap 1994:46).

Dalam sistem panggilan Arab, didapati leksikal *pak* dan *mak* sahaja yang mempunyai padanan yang sesuai iaitu ﻋَمٌ وَّ ﻋَمَّةٌ seperti contoh ﻋَمٌ أَسَاطِي، ﻋَمَّةٌ عَائِشَةٌ وَّ ﻋَمَّةٌ أَسَاطِي dan sebagainya.

Bagi saudara lelaki yang lebih tua dan yang lebih muda, bahasa Melayu mengkhususkan istilah yang merujuk kepada kedua-duanya secara berasingan iaitu *abang* dan *adik lelaki*. Justeru jika leksikal abang

digunakan tergambar di fikiran kita saudara lelaki yang lebih tua dan jika leksikal adik lelaki digunakan ia membawa makna saudara lelaki yang lebih muda. Dalam konteks bahasa Arab hanya istilah أَخْ (saudara lelaki) yang wujud perlu ditambah kata sifat الْكَبِيرُ dan الصَّغِيرُ menjadi أَخْ الْكَبِيرُ أَخْ الصَّغِيرُ untuk abang dan أَخْ الصَّغِيرُ untuk adik lelaki. Begitu juga keadaannya dengan kakak أَخْ الْكَبِيرَةُ dan adik perempuan أَخْ الصَّغِيرَةُ.

#### 4.1.1.4 Bentuk Sapaan

Terdapat juga kata panggilan keluarga yang berbentuk sapaan. Bentuk sapaan ialah “kata nama yang digunakan di tempat ganti nama dengan meletakkannya selepas nama kekeluargaan, terutamanya untuk mengeratkan pertalian dari segi faktor umur, status, jantina, pertalian darah dan ikatan perkahwinan. Bentuk sapaan paling bererti bagi menunjukkan perbezaan jantina dan umur (dan juga status). Bukan sahaja penting untuk seseorang itu memanggil bapa saudara dan emak saudara dengan nama panggilan kekeluargaan yang sesuai, tetapi ditambahkan juga bentuk akhiran yang menunjukkan urutan (mengikut umur dan jantina) dalam hirarki kekeluargaan, pada kedua-dua belah bapa dan ibu” (Sumalee Nimmanupap 1994:46). Terdapat bentuk sapaan pertalian terdiri daripada istilah seperti long, ngah, busu/usu, dan sebagainya yang menggambarkan urutan seseorang menurut kelahiran dan digunakan dengan nama panggilan asas untuk melambangkan pertalian kekeluargaan antara orang yang menyapa dengan

orang yang disapa. Senarai di bawah menunjukkan contoh-contoh kata sapaan pertalian darah serta rujukannya menurut hierarki (kadang-kadang berbeza mengikut negeri) (Asmah Haji Omar 1986:37):

- Long* : singkatan dari *sulung* (anak yang sulung): *pak long*,  
*mak long*;
- Ngah* : singkatan dari *tengah* (anak yang kedua) : *bang ngah*,  
*kak ngah*;
- Lang* : singkatan dari *alang* (anak yang ketiga): *mak lang*,  
*bang lang*;
- Njang/Nyang* : singkatan dari *anjang* (anak yang keempat): *pak njang*,  
*Kak njang*;
- Teh* : singkatan dari *putih* (anak yang keenam di negeri Perak atau anak yang kelima di negeri Pahang: *mak teh*, *kak teh*;
- Itam/Tam* : singkatan dari *hitam* (anak yang ketujuh di negeri Perak atau anak kelapan di Negeri Sembilan): *pak tam*, *mak tam*;
- Cik* : singkatan dari *kecil* (anak sebelum anak yang terakhir):  
*makcik*, *pak cik*, dan
- Su/Busu* : singkatan dari *bongsu* (anak yang terakhir): *pak su/busu*,  
*mak su/busu*.

Fenomena bentuk sapaan keluarga yang pelbagai ini tidak dapat ditemui dalam sistem panggilan keluarga Arab. Orang Arab biasanya hanya

menggunakan istilah **الْخَالِلُ**, **الْعَمَّةُ**, **الْخَالَةُ** dan **الْخَالِلُ**, **الْعَمَّةُ**, **الْخَالَةُ** yang diikuti dengan nama individu yang dipanggil sebagai kata sapaan terhadap individu tersebut. Contohnya seperti: **الْعَمُّ خَالِدٌ** (*Pakcik Khalid*), **الْعَمَّ زَيْنَبُ** (*Makcik Zainab*), **الْخَالُ يُوسُفُ** (*Pakcik Yusuf*) dan **الْخَالَةُ خَدِيجَةٌ** (*Makcik Khadijah*).

Di sini dapat diperhatikan bahawa tiada maklumat mengenai kedudukan dan tahap generasi seseorang dalam keluarga yang dapat diperolehi dengan sekadar menggunakan bentuk sapaan Arab berbanding Melayu.

#### **4.2 Istilah Kemasyarakatan**

Jika hendak diterokai begitu banyak istilah yang digunakan berkaitan dengan masyarakat Melayu. Itu belum lagi melihat kepada aspek dialek yang pelbagai di kalangan masyarakat mengikut tempat dan kedudukan geografi. Justeru dalam konteks perbandingan padanan makna istilah dalam masyarakat Melayu dengan Arab, penulis hanya memfokuskan kepada beberapa istilah yang dipinjam terus dari bahasa Arab.

#### **4.2.1 Istilah Pinjaman Arab.**

Sebagaimana yang kita semua maklum, bahasa Melayu banyak dipengaruhi oleh bahasa-bahasa lain terutama bahasa Inggeris dan Arab khususnya dalam pembentukan perkataan dan leksikal. Ini termasuklah juga perkataan-perkataan yang dipinjam terus daripada bahasa asing. Jika kita perhatikan dalam Kamus Dewan, begitu banyak perkataan Melayu yang dipinjam daripada bahasa Arab. Jika kita merujuk kepada bidang kemasyarakatan, didapati pula perkataan yang dipinjam daripada bahasa Arab itu meliputi pelbagai aspek bermula dari saat kelahiran hingga ke saat kematian iaitu bermula daripada perkataan ‘hamil’, ‘aqiqah’, ‘berkhatan’, ‘tarbiyah’, ‘baligh’, ‘aqad nikah’, ‘walimatul urus’, ‘kesyukuran’, ‘nazak’, ‘mayat’, ‘kafan’, ‘kubur’, ‘talkin’, ‘tahlil’ dan lain-lain. Kehadiran kata-kata pinjaman ini dari satu sudut boleh dimanfaatkan oleh mereka yang ingin belajar bahasa Arab terutamanya pelajar dalam mengaplikasikannya dalam penulisan atau perbualan.

Namun kita harus berhati-hati dalam menggunakan perkataan-perkataan pinjaman ini kerana tidak semuanya membawa maksud yang sama dengan maknanya dalam budaya Arab (sebagaimana yang diterangkan sebelum ini). Dari segi semantik, perkataan Arab yang dipinjam diberikan makna baru sama ada berlainan ataupun berlawanan. Perkataan itu juga membawa padanan makna yang lebih sempit atau dikhkususkan daripada

makna asalnya (Che Radiah Mezah:2008). Berikut beberapa contoh daripada perkataan-perkatan Melayu pinjaman dalam bidang kemasyarakatan yang mempunyai padanan makna yang tidak sama dengan maknanya dalam bahasa Arab:

**a. Amil**

Perkataan ini diambil daripada bahasa Arab (**عامل**) yang membawa maksud ‘pekerja, buruh’ (KBAMD:1217). Apabila digunakan dalam bahasa Melayu, maknanya telah dikhurus dan disempitkan kepada ‘orang yang diberi kuasa untuk memungut zakat dan berhak menerima zakat’ (Kamus Dewan:37).

**b. Khalwat**

Istilah ini diambil daripada perkataan **الخلوة** yang membawa maksud ‘perihal perbuatan mengasingkan atau memencarkan diri kerana menenangkan fikiran, bertafakur dan lain-lain (Kamus Dewan:672). Namun maknanya telah berubah dalam masyarakat Melayu di mana ia membawa maksud ‘berdua-duaan di tempat tersembunyi dan terpencil oleh lelaki dan perempuan yang bukan mahram dan bukan pula suami isteri (Kamus Dewan:672).

### **c. Amal**

Leksikal ini dipinjam daripada perkataan Arab **الْعَمَلُ** yang bermaksud ‘apa sahaja yang dilakukan daripada pekerjaan dan perbuatan’ (KBAMD: 1617). Namun bagi pengguna bahasa Melayu, padanan maknanya telah dikhususkan kepada ‘perbuatan baik yang mendatangkan faedah dan pahala’ (Kamus Dewan:33) seperti contoh ayat:

Bersedekah ialah satu daripada *amal* kebajikan.

### **d. Musabaqah**

Ia diambil daripada perkataan **الْمُسَابِقَةُ** yang bermaksud ‘pertandingan, perlumbaan’. Namun dalam Bahasa Melayu, ia lebih dikhususkan kepada ‘pertandingan membaca al-Quran’.

### **e. Maktab**

Perkataan ini dipinjam daripada istilah **الْمَكْتَبُ** yang bermaksud ‘meja, tempat menulis, pejabat’ (KBAMD:1975). Namun apabila dipinjamkan kepada Bahasa Melayu, maknanya berubah kepada ‘sekolah atau institusi untuk ilmu khas seperti *maktab perguruan* (Kamus Dewan:849).

#### **f. Ikhtiar**

Istilah ini diambil daripada perkataan الْخُتْيَار yang bermaksud ‘pilihan, kehendak, pendapat (KBAMD:692). Namun maknanya dalam Bahasa Melayu menjadi ‘berusaha, berdaya upaya, mencari jalan, mencari akal’ (Kamus Dewan:480) seperti contoh:

*Segala ikhtiar telah dijalankan tetapi penyakitnya belum juga sembuh.*

Daripada beberapa istilah Arab yang dihuraikan padanan maknanya dalam bahasa Melayu tadi dapatlah disimpulkan bahawa terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan makna daripada makna asal. Antara faktor tersebut ialah:

- 1) Terpengaruh dengan makna yang telah sebatи digunakan dalam bahasa Melayu.
- 2) Tidak memahami penggunaan sebenar sesuatu istilah mengikut konteks.
- 3) Proses asimilasi perkataan Arab ke dalam bahasa Melayu yang melibatkan perubahan makna asal dan perubahan bunyi.

#### **4.3 Kesimpulan**

Daripada apa yang telah dihuraikan beberapa kesimpulan dapat dibuat iaitu:

- 1) Dalam kedua-dua bahasa Melayu dan Arab memang terdapat bentuk-bentuk panggilan dan sapaan, namun terdapat kelainan dalam menentukan penggunaan kata-kata panggilan dan sapaan tersebut. Ini kerana faktor-faktor budaya dan akar bahasa yang berbeza yang mengawal pemilihan serta penggunaannya. Bentuk panggilan adalah sebahagian daripada sistem makna dalam sesbuah masyarakat dan budaya yang berkait dengan aspek sosiobudaya.
- 2) Istilah-istilah dalam sistem panggilan Melayu dalam konteks keluarga dan masyarakat dilihat lebih banyak dan terperinci berbanding dengan istilah-istilah panggilan Arab. Ini berlaku kerana orang Melayu begitu menitik-beratkan kesantunan dalam berbahasa. Kesopanan dan budi bahasa salah satunya dinilai melalui kebijaksanaan memilih kata panggilan dan kata ganti nama yang sesuai ketika berbicara. Kepelbagaiannya dalam sistem panggilan ini juga menimbulkan kekeliruan kepada mereka yang bukan di kalangan penutur asal bahasa Melayu jika mereka tidak menguasainya dengan baik.
- 3) Ketelitian dalam menggunakan panggilan keluarga dan gelaran dalam beberapa keadaan boleh mengelirukan pengguna terutama yang bukan daripada kalangan penutur asal bahasa Melayu dengan latar belakang dan budaya yang berbeza, namun ia sedikit sebanyak membantu

dalam kedudukan dan status individu yang dipanggil atau digelar itu dalam keluarga atau masyarakat.

- 4) Kerencaman penggunaan kata panggilan dan ganti nama juga dapat memberi maklumat secara langsung mengenai jantina dan tahap generasi individu itu dalam keluarga.